



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**10 OKTOBER 2020**

1. Lelaki berkopiah selamat anak anjing

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 10 Oktober 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo Ahad	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	13	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Netizen puji tindakan elok haiwan itu lemas

## Lelaki berkopiah selamat anak anjing

Tular

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**KUALA LUMPUR** - Tindakan pantas seorang lelaki menyelamatkan tiga ekor anak anjing yang terperangkap dalam longkang besar berdekatan sebuah lot kedai di Puncak Alam Fasa 2, Kuala Selangor mendapat pujian netizen di laman sosial Facebook.

Gambar lelaki berkopiah yang sedang menyelamatkan haiwan terabit telah dikongsi di laman Facebook Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) sejak pagi kelmarin telah mendapat lebih 700 tanda suka dan dikongsi lebih 90 kali.

Menurut Animal Malaysia, ketiga-tiga anak anjing itu dipercayai dibuang oleh pemilik mereka, namun tanpa ibunya bersama.

Jelasnya, anak anjing itu boleh mati dan lemas sekiranya hujan lebat melanda kawasan itu.

"Ketiga-tiga anak anjing ini perlu menyusu dengan ibunya. Haiwan ini perlu perhatian khusus sepanjang tempoh penyusuan.

"Amat kejam apabila membuang anak anjing berusia sebulan tanpa ibunya bersama," katanya menerusi laman Facebook itu semalam.

Menurutnya, sekiranya ada individu atau pihak yang mahu membantu haiwan terabit, mereka boleh terus menghubungi Zawati di talian 017-8470613.

Sementara itu, rata-rata neti-



**SEORANG** lelaki menyelamatkan tiga ekor anak anjing berusia sebulan yang dibuang di dalam longkang di Kuala Selangor.

zen memuji sikap prihatin lelaki berkopiah yang telah menyelamatkan anak anjing itu dan menyifatkannya sebagai 'hero'.

Pada masa sama, netizen turut meluahkan rasa sedih dengan nasib yang menimpa anak anjing terabit dan kesal tindakan pemilik haiwan itu yang disifatkan sebagai tidak berperikemanusiaan.

Mereka juga turut mendoakan

agar anak anjing itu mendapat penjaga baharu yang tidak kejam seperti penjaga sebelum ini.

Seorang netizen yang dikenali sebagai Koh Eng Eng telah meninggalkan komen: "Tuan, awak seorang hero."

Menurut Nor Hidayah pula yang turut meninggalkan komen mempersoalkan tindakan penjaga lama: "Ibu nak, anak-anak dibuang, apa jenis manusia?"